

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: STML - Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Sent: Sunday, October 21, 2018 5:13 PM
To: UUM - All Staff
Subject: PROGRAM TOUCH OF LOVE BERSAMA PENGHUNI SERI KENANGAN KANGAR



21 OKT 2018/ 12 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato/Datin/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan

PROGRAM TOUCH OF LOVE BERSAMA PENGHUNI SERI KENANGAN KANGAR



STML ONLINE: Program Touch of Love telah dijalankan dengan kerjasama antara Persatuan Pengurusan Teknologi (MOTIC) dan Inasis Proton pada April 2018. Aktiviti bersama penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK) dijalankan oleh MOTIC manakala pelajar Inasis Proton menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan dan mengecat bilik asrama penghuni RSK.

Pelbagai Aktiviti dijalankan bersama penghuni RSK adalah seperti Senamrobik, Moment Sharing- Beramah mesra sambil menyelami rasa hati dan berkongsi suka dan duka, Sukaneka: Permainan bowling botol, pancing botol dan charades (teka gaya), Persembahan Kebudayaan oleh penghuni RSK bersama pelajar Motic: Persembahan lakonan, tarian dan nyanyian.

Kesemua penghuni RSK dan pihak pentadbiran memberi kerjasama yang amat baik. Semua penghuni melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dijalankan dan mereka kelihatan sangat gembira. Ada antara penghuni yang begitu terharu

dengan kemesraan pelajar Motic dan mengalirkan air mata gembira kerana sedikit sebanyak dapat mengubat kerinduan mereka pada anak cucu mereka.

Keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif iaitu untuk menyuntik sifat menghargai dan menghormati warga emas terutamanya ibu-bapa dan keluarga di kalangan generasi muda. Program ini juga dapat menghiburkan penghuni RSK disamping dapat menghilangkan kerinduan pada keluarga. Manakala pelajar-pelajar Inasis Proton pula menabur bakti dengan memperindahkan lagi kawasan dan asrama penginapan warga RSK.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak STML, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA), Inasis Proton, pihak Rumah Seri Kenangan dan Jabatan Khidmat Masyarakat Perlis atas kerjasama dan sokongan bagi memungkinkan kejayaan program ini.

Sekian.



Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML), Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Malaysia
Website: <http://stmlportal.net/> | Tel: +6049287001 | Fax: +6049287070 | Email: stmlnet@uum.edu.my |



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.